

08/11/2003

Kisah Samy Vellu dan peralihan kuasa

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

TAMIL Nesan (Nesan), akhbar milik Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu terus memaparkan berita serta kenyataan pelbagai pihak membantah desakan golongan tertentu supaya presiden yang sudah berkhidmat hampir 24 tahun itu bersara.

Rata-rata, semua laporan itu membidas keceluparan Presiden Parti Barisan Kemajuan India Malaysia (IPF), Datuk MG Pandithan, yang memulakan desakan supaya Samy Vellu meletak jawatan berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Akhbar itu turut memetik kenyataan Pengerusi protem Umno Bahagian Sungai Siput, Datuk Sazlan Mohd Samin menegur kebiadapan Pandithan, yang didakwa oleh beliau turut menimbulkan kemarahan orang Melayu dalam Barisan Nasional (BN).

Bercakap dalam satu majlis berbuka puasa anjuran Samy Vellu di Ipoh Sabtu lalu, beliau juga menegaskan bahawa isu itu akan dirujuk kepada pucuk pimpinan tertinggi jika Pandithan terus membesar-besarkannya.

Dalam tempoh sama, seperti yang dijangkakan Malaysia Nanban (Nanban) menyiarkan pandangan beberapa pihak serta alasan masing-masing mengenai kenapa perlu ada perubahan dalam pucuk pimpinan tertinggi MIC.

Akhbar itu dalam lidah pengarangnya melaporkan bahawa ramai pemerhati politik meramalkan akan ada perubahan besar-besaran dalam Kabinet dan BN selepas pilihan raya umum akan datang tetapi kedudukan Samy Vellu bergantung kepada budi bicara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Antara lain, mereka menyifatkan strategi Samy Vellu terus mengekalkan beberapa tokoh veteran yang seangkatan dengannya dalam pucuk pimpinan MIC, walaupun sudah lama tidak membawa sebarang manfaat menimbulkan rungutan di kalangan golongan muda dalam parti.

Dalam perkembangan lain, Nanban dalam editorialnya membangkitkan kebimbangan masyarakat bukan Islam terhadap pelaksanaan undang-undang hudud di Terengganu kerana dikhuatiri akan mengekang kebebasan amalan agama bangsa lain di negeri itu.

Akhbar itu mengalu-alukan usaha Jabatan Peguam Negara mencabar hak Kerajaan Terengganu mengguna pakai hukum hudud kerana pelaksanaannya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Akhbar yang sama juga melaporkan di muka depan mengenai kematian K Prakash, 20, seorang pemilik kedai video di Masai, Johor Selasa lalu yang disyaki diracun oleh sekumpulan peminjam wang haram atau along.

Difahamkan, si mati meminjam kira-kira RM20,000 daripada along berkenaan tahun lalu dan anggota keluarganya mendakwa beliau sering menerima ugutan akan dcederakan jika gagal menjelaskan hutang.

Dalam berita luar negara pula, Nesan melaporkan mengenai upacara sambutan Deepavali di Parlimen British baru-baru ini yang dimulakan oleh Perdana Menteri Britain, Tony Blair dengan menyalakan lampu minyak sebagai tanda bermulanya perayaan.

Semua menteri Kabinet dan kira-kira 100 Ahli Parlimen, duta serta pemimpin agama lain turut menyertai upacara itu.

Blair dilaporkan berkata beliau gembira dapat merayakan sambutan Deepavali dan berharap ia dapat mengukuhkan perpaduan di kalangan Ahli Parlimen daripada pelbagai bangsa dan menyifatkan peluang itu sebagai suatu hadiah yang amat berharga.

Sementara itu, semua akhbar berbahasa Cina memberi tumpuan kepada

peralihan kuasa kepemimpinan negara yang berjalan lancar hujung minggu lalu daripada Dr Mahathir kepada Abdullah.

Lidah pengarang Nanyang Siang Pau Sabtu lalu berpendapat, rakyat kini menumpukan perhatian dan harapan terhadap Abdullah dengan cabaran yang sedang menunggu beliau ialah masalah dalam negara berbanding isu diplomatik.

Pertama, beliau perlu memilih timbalannya secepat mungkin bagi menghentikan spekulasi. Akhbar itu yakin Abdullah sudah ada calonnya dan tidak akan menerima bantahan daripada rakyat tidak kira apa pilihannya.

Namun, cabaran lebih penting ialah pilihan raya umum akan datang kerana beliau hanya ada masa kira-kira setahun untuk bersiap sedia dan keputusan itu bakal mempengaruhi kedudukan serta imejnya. Untuk menghadapi musuh BN iaitu Pas, sudah tentu Abdullah yang berlatarbelakangkan pendidikan agama ada strategi tersendiri.

Dari segi diplomatik pula, cabaran paling getir ialah hubungan dua hala dengan negara jiran, Singapura khasnya isu bekalan air. Bagaimanapun, pengalamannya sebagai Menteri Luar mungkin dapat membantu menyelesaikan masalah itu.

Abdullah yang sering disifatkan sebagai 'Mr Nice Guy' dan mesra, sudah tentu mempunyai cara kepemimpinan yang berbeza daripada Dr Mahathir.

Lidah pengarang Sin Chew Daily pada hari sama menyifatkan pemerintahan Dr Mahathir sejak 22 tahun sebagai proses meroboh dan membina semula pentas tanpa henti. Beliau meroboh pentas pentadbiran kerajaan yang tiada kemajuan dan kelemahan sistem kerajaan. Pada masa sama, beliau membina semula pentas ekonomi dengan memperkukuhkan pengurusan pasaran bebas dan pentas politik melalui kepemimpinan lebih berkesan.

Selepas Dr Mahathir meninggalkan pentas politiknya, rancangan pembaharuan Malaysia kini sudah dirangka dan tidak kira dari segi ekonomi mahupun politik kini tiada lagi sebarang halangan. Kesimpulannya, Dr Mahathir sudah meninggalkan jalan menuju masa depan politik, ekonomi dan sosial negara. Baik buruk masa depan negara bergantung kepada jalan itu.

Lidah pengarang China Press edisi Sabtu juga berpendapat kelancaran peralihan kuasa negara tanpa berlaku sebarang perkara yang tidak diinginkan membuktikan kerajaan BN yang ditadbir oleh Dr Mahathir sejak 22 tahun lalu, mempunyai prestasi baik dan matang.

Jadi, akhbar itu berpendapat kelancaran proses itu wajar diraikan oleh sebuah negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia.